

Penduduk terharu terima pampasan RM30,000

PINANG TUNGGAL - Lebih kurang dua bulan lalu Ismail Latiff, 38, yang mendiami tanah rizab di Kampung Permatang Saga di sini tidak dapat tidur lena apabila diarah berpindah kerana kawasan yang didiaminya itu terlibat dengan projek pembinaan landasan keretapi berkembar antara Ipoh dan Thailand.

Ini kerana dia hanya ditawarkan wang sugu hati sebanyak RM1,000 sahaja bagi mengosongkan kediamannya.

Sejak itu dia menggunakan pelbagai saluran untuk merayu agar pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bersama syarikat Gamuda yang mengendalikan projek itu memberikan

pampasan yang setimpal untuk memudahkannya berpindah.

Tetapi semalam, keadaan itu telah berubah sama sekali, Ismail kini bukan sahaja kelihatan ceria tetapi juga bersedia berpindah ke tempat lain apabila permohonannya untuk mendapatkan pampasan dipenuhi oleh KTMB dan Gamuda.

"Saya bersyukur dengan pemberian pampasan sebanyak RM30,000 oleh pihak terbabit.

"Dengan pemberian wang pampasan ini dapatlah saya membina rumah baru untuk didiami,"katanya.

Ismail ditemui semasa bersama beberapa orang penduduk kampung yang sedang memunggah baki barangan rumah selepas kerja-kerja merobohkan rumahnya selesai.

Menurutnya, sebelum ini dia tertekan kerana rumah yang didiami itu dimasuki air akibat kerja-kerja penambakan tanah hingga menjadikan rumahnya lebih rendah dari permukaan jalan dan dalam masa yang sama dinding rumahnya turut retak selepas gegaran jentera be-



● Ismail (kiri) dan dua penduduk kampung melihat kesan rumahnya selepas kerja-kerja perobohan selesai untuk memberi laluan kepada pembinaan landasan keretapi berkembar di Kampung Permatang Saga.